



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

03-8870 4426

ukk@dof.gov.my

<http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (43)

SIARAN MEDIA

PROGRAM HARI PERIKANAN (PHP) 2025 PERKUKUH AGENDA INOVASI DAN KELESTARIAN INDUSTRI PERIKANAN NEGARA

SUNGAI PETANI, KEDAH, 1 November 2025 – Program Hari Perikanan 2025 (PHP 2025) anjuran Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) diteruskan tahun ini dengan penganjuran di Pantai Merdeka, Kedah, selepas kejayaan edisi pertamanya di Putrajaya pada tahun 2024. Program ini menjadi wadah strategik bagi memperkukuh penyertaan semua pihak berkepentingan dalam memajukan sektor perikanan negara ke arah pembangunan yang lebih berdaya saing, inovatif dan mampan, sejajar dengan aspirasi Ekonomi Biru Nasional dan Dasar Agromakanan Negara 2021–2030 (DAN 2.0).

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Luqman bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Turut hadir Yang Berhormat Tuan Haji Dzowahir bin Haji Ab. Ghani, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Pengangkutan Negeri Kedah, serta Yang Berbahagia Dato' Haji Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan.

Yang Berbahagia Dato' Haji Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan menegaskan bahawa penganjuran Hari Perikanan mencerminkan iltizam Jabatan untuk memperkukuh inovasi, memperluas jaringan kerjasama dan memastikan sektor perikanan kekal sebagai penyumbang penting kepada keterjaminan makanan negara.

"Hari Perikanan bukan sekadar sambutan tahunan, tetapi platform strategik yang menghimpunkan pemain industri, penyelidik dan komuniti bagi memperkasa ekonomi perikanan yang berteraskan inovasi serta kelestarian sumber. Melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif penyelidikan, pembangunan teknologi dan inovasi seperti SirehMAX® dan sistem MyFiRSt, Jabatan bertekad memacu transformasi sektor perikanan ke arah pengurusan sumber laut yang lebih mampan, moden dan berimpak tinggi," katanya.

Majlis turut menyaksikan penyerahan Sijil Malaysian Good Aquaculture Practice (myGAP) kepada lima pengusaha akuakultur dari Zon Utara, iaitu Century Pet Food Industry Sdn. Bhd., Global Goodway (M) Sdn. Bhd., Ocean Champion Sdn. Bhd., Arca Biru Sdn. Bhd. dan Farmgroup Corporation Sdn. Bhd. Pengiktirafan ini menzahirkan komitmen pengusaha terhadap amalan akuakultur yang selamat, bertanggungjawab serta mematuhi piawaian keselamatan makanan dan kelestarian alam sekitar



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION
myDOF
Peneraju Perikanan

Selain itu, pertukaran Nota Kerjasama antara DOF dan Universiti Utara Malaysia (UUM) turut diadakan sebagai pelanjutan Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai pada tahun 2022. Perjanjian baharu ini, yang berkuat kuasa sehingga 2028, memperluas skop kerjasama dalam bidang perikanan tangkapan, akuakultur, kesihatan ikan, konservasi, kecerdasan buatan (AI), Internet of Things (IoT), karbon biru dan ekonomi biru.

Program ini turut menyaksikan pelancaran produk inovasi SirehMAX®, sebatian antimikrobial berasaskan ekstrak daun sireh (*Piper betle*) hasil penyelidikan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) bersama universiti tempatan. Inovasi ini telah dipatenkan dan terbukti berkesan sebagai rawatan alternatif mesra alam bagi penyakit bakteria dalam ikan, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap antibiotik dalam industri akuakultur.

Turut dilancarkan ialah MyFiRSt (Malaysia Fisheries Resource System) iaitu sistem rujukan data nasional bersepadu yang membolehkan pengurusan dan perkongsian maklumat biodiversiti perikanan serta kawasan perlindungan marin (MPA) dilaksanakan secara lebih cekap dan telus bagi menyokong pembuatan keputusan berasaskan data.

Sebagai manifestasi sokongan terhadap pembangunan komuniti perikanan, penyerahan cek cura bantuan Sistem Penyampaian & Khidmat Sokongan Akuakultur (SPeKS) dan bantuan agropelancongan turut dilaksanakan kepada penerima dari negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Penganjuran Hari Perikanan 2025 berlangsung selama tiga hari bermula 31 Oktober hingga 2 November 2025, dengan pelbagai pengisian seperti *Fun Run & Fun Walk*, sukan rakyat, pameran interaktif oleh lebih 20 agensi kerajaan, serta reruai jualan dan aktiviti komuniti yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Pautan gambar :

<https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1QI8YGU9vaCfs34EEwLFfxZTlvQDUIPTL>

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my